

Biografi Lagenda Emas Sepak Takraw Negara: Suhaimi Bin Yusof

Ahmad Zam Hariro Samsudin
Habibi Mastura Norza Azham
Nur Farihatul Jannah Azime
Mohd Nazir Ahmad

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini selain berasaskan sumber daripada pembacaan dan kajian penulis terhadap tokoh, ia juga berasaskan kepada sumber lisan yang telah dijalankan bersama bintang sukan sepak takraw negara pada suatu ketika dahulu iaitu Suhaimi bin Yusof yang telah menceritakan tentang latar belakang beliau sebagai bekas pemain sepak takraw negara. Penceritaan ini bermula dari kisah latar belakang kehidupannya dan alam persekolahan yang mana telah menjuruskan minatnya daripada permainan badminton kepada permainan sepak takraw. Selain penceritaan tentang penglibatan, beliau juga berkongsi pengalaman manis dan pahit sepanjang penglibatan beliau sebagai pemain sepak takraw negara. Artikel ini juga menceritakan pengalaman beliau sebagai jurulatih sepenuh masa sepak takraw bagi pasukan wanita negeri Selangor. Selain itu, konsep serta pandangan beliau terhadap pasukan sepak takraw masa kini serta aktiviti pasukan sepak takraw di bawah bimbingan beliau turut dimuatkan di dalam artikel ini.

Kata kunci : Suhaimi bin Yusof, Sepak takraw, Jurulatih, Sukan SEA, Sukan Asia

Latar Belakang Suhaimi Yusof

Suhaimi Yusof merupakan anak kelahiran Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur yang kini menetap di Klang. Beliau dikenali sebagai “Brother” dalam kalangan kawan-kawannya. Merupakan anak kepada Yusof bin Talib dan Sainab binti Marjunib. Kedua-dua pasangan ini berasal dari Tanjung Karang.

Ayah beliau yang merupakan bekas tentera telah meninggal dunia ketika beliau berumur sembilan tahun. Beliau merupakan anak ke-enam daripada lapan orang adik beradik. Beliau mempunyai dua orang abang, tiga orang kakak, seorang adik perempuan dan seorang adik lelaki. Beliau telah mendirikan rumah tangga pada tahun 1997 bersama isterinya yang tersayang, Nur Jazilah binti Omar. Isteri beliau kini bekerja di syarikat Telekom Malaysia. Beliau mempunyai 3 orang cahaya mata iaitu dua lelaki dan seorang perempuan. Ketiga-tiga anak beliau masih belajar.

Suhaimi Yusof telah mendapat pendidikan pertama di sekolah Rendah Kebangsaan Bangsar 1 dan berpindah ke Anglo-Chinese School pada pertengahan darjah 1. Beliau berpindah sekolah kerana bapanya sudah pencen dan berpindah ke Klang, Selangor. Beliau bersekolah di Anglo-Chinese School daripada darjah 1 sehingga darjah 5. Pada pertengahan darjah 5, beliau berpindah ke Sekolah Rendah Batu Belah kerana takut akan gurunya yang garang. Beliau bersekolah di Sekolah Rendah Batu Belah sehingga tamat darjah 6. Rakan karib beliau semasa di sekolah rendah ialah Johan Samsudin. Setelah tamat darjah 6, Suhaimi Yusof telah mendapat pendidikan menengah di Sekolah Menengah Rantau Panjang, Klang daripada tingkatan 1 sehingga tingkatan 5. Selepas tamat sekolah menengah, beliau tidak menyambung pelajaran kerana mula terlibat dengan sukan sepak takraw di peringkat negara.

Penglibatan Awal Dalam Sukan Sepak Takraw

Semasa penglibatan awal Suhaimi Yusof dalam sukan sepak takraw, beliau telah berlatih bersama rakan-rakannya di kampung dan di sekolah beliau. Selain itu, sungai yang terdapat di kampung beliau juga merupakan salah satu tempat yang digunakan oleh beliau untuk mengasah kemahiran 'lipat' yang seringkali beliau gunakan semasa pertandingan. Beliau melibatkan diri dalam sepak takraw ini semenjak zaman persekolahan. Subari Said iaitu pak cik yang juga merupakan lagenda emas sepak takraw tahun 70-an telah menjadi sumber inspirasi serta telah memberi dorongan kepada beliau untuk melibatkan diri dalam sukan sepak takraw. Semenjak daripada sekolah menengah, beliau telah menjadi idola kepada Suhaimi Yusof untuk pergi lebih jauh dalam bidang sukan sepak takraw ini.

Keluarga Suhaimi Yusof memberikan sokongan seratus peratus dalam pemilihan kerjaya beliau. Jurulatih beliau semasa persekolahan dalam sukan sepak takraw ini adalah cikgu Azman. Berbeza semasa di kampung. Semasa di kampung, jurulatih sepak takraw beliau ialah Salam Osman.

Kejohanan pertama yang disertai oleh beliau adalah sukan sepak takraw peringkat umur kategori 18 tahun di Perlis. Kelab yang pertama disertai oleh beliau untuk bertanding kejohanan luar selain mewakili sekolah merupakan kelab UMNO Sungai Pinang Dalam (USPD). Beliau telah dilantik sebagai ketua pasukan semasa menyertai kelab itu. Sejak zaman penglibatan awal sehingga kini, beliau bermain di posisi apit kiri. Beliau memainkan peranan sebagai 'feeder' atau dikenali sebagai pelambung bola untuk tekong yang kidal dalam sepak takraw. Beliau selalu melakukan latihan tambahan dan banyak berlari untuk memantapkan lagi teknik permainan beliau. Dari segi penjagaan makanan, beliau tidak mengamalkan makanan tambahan di awal pembabitan beliau dalam sepak takraw. Penglibatan beliau dalam sukan sepak takraw telah memberi impak yang besar kepada sukan sepak takraw negeri Selangor di mana Selangor merupakan sebuah negeri yang disegani di Malaysia dalam sukan ini.

Penglibatan Dalam Skuad Kebangsaan

Suhaimi Yusof menyertai skuad kebangsaan negara untuk sukan sepak takraw pada tahun 1990. Sebelum beliau menyertai skuad kebangsaan, beliau telah mewakili negeri Selangor dalam Kejohanan Piala Emas Khir Johari. Kejohanan tersebut merupakan kejohanan yang dianjurkan setiap tahun oleh Persatuan Sepak Takraw Malaysia. Oleh kerana potensi serta bakat beliau yang terserlah semasa kejohanan tersebut, Persatuan Sepak Takraw Malaysia telah memilih beliau untuk menyertai skuad kebangsaan. Kejohanan yang pertama beliau sertai sebagai salah seorang ahli skuad kebangsaan adalah Kejohanan Sepak Takraw MAS-UTUSAN RTM pada tahun 1990 yang dianjurkan di Stadium Negara, Malaysia.

Semasa penglibatan Suhaimi Yusof di dalam Sukan SEA, beliau telah dilatih oleh beberapa orang jurulatih yang berbeza. Jurulatih beliau semasa perlawanan Sukan SEA di Manila dan di Jakarta ialah Yunus Ibrahim dan Haris Abdul Rahman. Keadaan ini berbeza semasa di Singapura.

Jurulatih beliau semasa perlawanan di Singapura ialah Cikgu Talib Nasir dan Haris Abdul Rahman. Manakala di Chiang Mai ialah Shuaid Osman dan di Brunei pula ialah Kamarudin dan Rauzan Masri.

Perubahan ketua pasukan berlaku seiring dengan perubahan jurulatih. Ketua pasukan yang dilantik semasa bermain di Sukan SEA di Manila, Singapura, Brunei adalah Shaari Hashim dan pada tahun 1995, Suhaimi Yusof telah dilantik menjadi ketua pasukan ketika bermain di Chiang Mai dan Jakarta. Selain daripada ketua pasukan, ahli pasukan yang bertanding juga berubah mengikut prestasi semasa. Antara pemain-pemain sepak takraw yang pernah bermain di peringkat sukan SEA bersama beliau ialah Baharudin Samsudin, Shaari Hashim, Zabidi Shariff, Ahmad Jais Baharom, Suhaimi Abdul Rahman dan Khairul Anuar. Posisi beliau sama seperti di zaman awal penglibatan beliau iaitu posisi apit kiri.

Antara pencapaian cemerlang beliau dalam sukan SEA ialah mendapat pingat emas pada tahun 1991 dimana ianya merupakan penglibatan pertama beliau. Selain daripada pingat emas, beliau juga telah mendapat pingat perak untuk acara sepak takraw berpasukan pada tahun 1993. Beliau juga telah memenangi pingat emas pada tahun yang sama untuk kategori sepak takraw beregu. Selain daripada kenangan manis, Suhaimi Yusof juga mengalami kenangan pahit sepanjang penglibatan beliau dalam sukan SEA. Antara kenangan pahit yang dilalui oleh Suhaimi Yusof ialah beliau telah dikenakan tindakan disiplin semasa berada dalam skuad kebangsaan dan berlakunya konflik di antara ahli pasukan. Sebagai ketua pasukan, beliau telah berjaya menyelesaikan konflik tersebut dengan baik dan efisien.

Disamping terlibat dalam sukan SEA, Suhaimi Yusof juga terlibat dengan perlawanan sepak takraw di peringkat yang lebih tinggi iaitu Sukan Asia. Suhaimi Yusof telah mewakili Malaysia dalam sukan Asia pada tahun 1990. Sebagai persediaan sebelum berlangsungnya perlawanan di peringkat sukan Asia, pasukan Suhaimi Yusof telah membuat latihan di beberapa buah negeri seperti di Perak dan Negeri Sembilan. Selain itu, semasa penglibatan dalam Sukan Asia, Suhaimi Yusof telah dilatih oleh beberapa orang jurulatih yang berbeza.

Antara sukan Asia yang beliau pernah terlibat ialah di Beijing pada tahun 1990, di Bangkok pada tahun 1998 dan di Korea pada tahun 2002. Semasa di Beijing, jurulatih beliau ialah Yunos Ibrahim dan Haris Abdul Rahman. Manakala ketika di Bangkok, jurulatih beliau ialah Zakaria Ali dengan Allahyarham Pakjib Khan dan ketika Sukan Asia di Korea, Ismail Ahmad dan Allahyarham Shuib Kasar merupakan jurulatih Suhaimi Yusof. Untuk kesemua perlawanan di peringkat Sukan Asia, Suhaimi Yusof telah dilantik sebagai ketua pasukan dan masih mengekalkan posisi apit kiri. Suhaimi Yusof sebagai ketua pasukan telah memainkan peranan supaya masalah yang berlaku didalam pasukan yang diketuai olehnya diselesaikan dengan kadar segera. Untuk membuat persediaan bagi setiap perlawanan, beliau tidak sekadar hanya bergantung dan membuat latihan yang diberikan oleh jurulatih. Sebaliknya, Suhaimi Yusof telah melakukan latihan tambahan sendiri untuk membuat penambahbaikan teknik permainan di dalam sukan sepak takraw. Sepanjang penglibatan beliau di dalam sukan sepak takraw, beliau tidak pernah mengalami kecederaan yang serius. Selain itu, sepanjang penglibatan beliau dalam sukan Asia, Majlis Sukan Negara telah memberi makanan tambahan seperti vitamin dan glukosa kepada semua pemain untuk mengekalkan stamina.

Pada tahun 1990, sukan Sepak takraw merupakan kejohanan pertama yang paling tinggi dipertandingkan untuk peringkat Sukan Asia. Pada ketika itu, Malaysia merupakan pasukan nombor satu untuk sukan sepak takraw dan disegani negara luar. Tetapi, pada tahun 1998, bermulalah detik kejatuhan Malaysia dalam sukan sepak takraw. Antara pasukan yang menjadi pencabar terdekat untuk pasukan negara ketika bermain Sukan Asia ialah negara Thailand dan Korea Selatan. Antara rakan regu Suhaimi Yusof semasa bermain sukan Asia ialah Zabidi dan Ahmad Jais dan Ahmad Izzat Zaki. Walaupun Suhaimi Yusof terlalu sibuk dengan latihan sukan sepak takraw, dia tetap meluangkan masa bersama keluarga pada hari jumaat, sabtu dan ahad. Suhaimi Yusof berasa sangat bersyukur dapat mewakili negara untuk perlawanan sukan Asia. Perlawanan terakhir yang sertai oleh Suhaimi Yusof sebelum bersara daripada bermain sepak takraw ialah untuk peringkat kebangsaan pada tahun 2010 dan peringkat antarabangsa pada tahun 2002 di Busan.

Anugerah Yang Diterima

Suhaimi Yusof tidak pernah menerima sebarang anugerah individu, tetapi pernah dicalonkan Anugerah Olahragawan Sukan Negara dan Anugerah Olahragawan Lelaki Negeri Selangor pada tahun 1990. Beliau pernah memenangi anugerah berpasukan iaitu Anugerah Pasukan Lelaki Terbaik. Selain itu, beliau juga pernah memenangi Anugerah Pasukan Terbaik Olympian anjuran Benson and Hedges pada tahun 1991. Setiap anugerah yang diterima oleh beliau akan diberikan ganjaran oleh pihak Majlis Sukan Negara.

Aktiviti Selepas Pencen

Selepas bersara daripada sukan sepak takraw pada tahun 2010, Suhaimi Yusof telah menceburkan diri dalam bidang kejurulatihan dan menjadi jurulatih sepak takraw untuk negeri Selangor. Suhaimi Yusof menjadi jurulatih kepada pasukan Putrajaya sehingga tahun 2014. Pada tahun 2016, negeri Selangor telah melantik beliau sebagai jurulatih bagi pasukan lelaki dan telah memenangi pingat gangsa untuk SUKMA di Sarawak. Pada tahun 2017, Suhaimi Yusof sekali lagi telah dilantik oleh Majlis Sukan Negeri Selangor sebagai jurulatih bagi pasukan wanita untuk perlawanan SUKMA di Perak pada tahun 2018.

Sebagai jurulatih, Suhaimi Yusof telah mengajar pasukan mengikut suasana pemain bergantung kepada pengalaman pemain. Pada pendapat Suhaimi Yusof, untuk menjadi jurulatih yang terbaik, seseorang itu memerlukan pengalaman yang banyak untuk melatih pasukan supaya mempunyai disiplin yang tinggi. Sebelum menghadapi sesuatu perlawanan, Suhaimi Yusof akan menyusun jadual latihan dengan lebih awal. Beliau selalunya memperuntukkan tiga jam latihan untuk pasukannya. Adakalanya beliau akan membuat latihan bersama pasukannya lebih daripada tiga jam untuk memantapkan lagi corak permainan sebelum menyertai sesuatu perlawanan.

Langit tidak selalunya cerah, kadangkala turun juga hujan. Begitu juga ketika latihan, kadangkala terjadinya sesuatu yang menyebabkan kecederaan. Antara kecederaan yang seringkali dialami oleh pasukan yang dilatih oleh Suhaimi Yusof ialah pinggang dan buku lali.

Selalunya kecederaan akan berlaku apabila pemain tidak biasa dengan corak latihan. Manakala faktor kegagalan sesuatu pasukan ialah gajet kerana gajet boleh melalaikan sesuatu pasukan dan faktor kejayaan dalam sesuatu pasukan ialah mereka perlu bersatu hati, kesefahaman dan mempunyai disiplin yang tinggi. Pemain skuad kebangsaan yang diminati oleh Suhaimi Yusof ialah Syahir Rosdi kerana beliau merupakan tekong terbaik Malaysia walaupun beliau antara pemain sepak takraw termuda. Beliau berhasrat untuk menjadi jurulatih Malaysia dalam sukan sepak takraw.

Bibliografi

- Abdul Hafiz Ahmad. (nd). *Suhaimi Yusof Pertaruhan Baru PKNS*. Sukan.
- Amirullah Andi Nur. (November, 1996). *Regu NS A Kekal Raja Takraw*. Gelanggang.
- Ilmu sosial. (February, 2016). Akses pada 18 May 2017 di <http://www.ilmusosial.info/2016/02/sejarah-lisan.html>
- Mohd Ali Majid. (Disember 13, 2011). *ATM Idam Liga Super*. Arena. ms. 47
- Saiful Adli Mohamad. (November 22, 1998). *Tuah Rejaman Ampuh*. Gelanggang. ms.28
- Suhaimi Yusof (19 April 2017), Temubual personal.